

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
[TANJONG KARANG]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tahap integriti, kredibiliti dan profesionalisme Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah bertindak secara tidak wajar apabila mendedahkan bukti rakaman audio berprofil tinggi kepada umum bertujuan untuk menimbulkan spekulasi dan sentiment negatif masyarakat awam terhadap kes yang sedang dibicarakan.

**JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rakaman audio yang didedahkan oleh pihak SPRM pada Januari 2020 adalah dibenarkan oleh undang-undang (*discretionary power*) dan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perkembangan terkini pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah pun melengkapkan siasatan dan dimajukan kepada Pejabat Peguam Negara pada 19 Jun 2020 yang lalu untuk mendapatkan nasihat dan pandangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.